

Headline	FAMA bantu promosi produk usahawan PKS		
MediaTitle	Utusan Malaysia (Timur)		
Date	10 Jul 2018	Color	Full Color
Section	News	Circulation	6,500
Page No	27	Readership	19,500
Language	Malay	ArticleSize	213 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,814
Frequency	Daily	PR Value	RM 5,443



## FAMA bantu promosi produk usahawan PKS

**KUANTAN 9 Julai** - Usahawan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) perlu mematuhi syarat dan peraturan ditetapkan Lembaga Pemasaran Pertanian Persekutuan (FAMA) sekiranya mereka ingin mendapat kemudahan diperlukan seperti bantuan peralatan, sokongan pinjaman kewangan serta khidmat nasihat.

Pegawai Industri Asas Tani (IAT) FAMA negeri, Md. Riduan Sirun berkata, setiap usahawan PKS juga antaranya perlu memiliki sijil halal, sijil bersih, selamat dan sihat (BeSS) dan sijil makanan selamat tanggungjawab industri (Mesti).

"Tahun lalu, seramai 10 usahawan PKS seluruh negara berpeluang mempromosikan produk keluaran mereka di peringkat antarabangsa seperti di

China, Dubai, Singapura, Brunei dan Hong Kong.

"Promosi di luar negara memberi peluang kepada usahawan melebarkan pasaran produk mereka tanpa perlu mengeluarkan modal yang banyak," katanya selepas melawat kilang Pj Food Industries di Indera Mahkota di sini, baru-baru ini.

Md. Riduan berkata, setiap tahun beberapa usahawan terpilih diberi peluang mempromosikan produk mereka secara percuma dalam program jualan PKS anjuran agensi kerajaan dan swasta dalam serta luar negara.

Selain itu, katanya, kebanyakan mereka diberi peluang mempromosikan produk secara percuma di luar negara seperti makanan ringan selain hasil pertanian yang disejukkan.



**MD. RIDUAN SIRUN** (kiri) melihat produk keluaran Pj Food Industries dalam program jualan PKS kilang usahawan Pj di Indera Mahkota, Felda, baru ini.